

B614

MAHATHIR-BAHASA

1981

KUALA LUMPUR, 26 SEPT. (BERNAMA)—PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MELAHIRKAN KEYAKINAN TERHADAP KEMAMPUAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PERTUTURAN DAN PENGGUNAAN SEHARIAN DALAM BERBAGAI-BAGAI BIDANG.

KATANYA PERNAH BEBERAPA PIHAK MENYOAL KEMAMPUAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI PERINGKAT UNIVERSITI TEMPATAN BILA IA MULA-MULA DICADANGKAN DAHULU.

TETAPI, KINI IA TIDAK DAPAT DIRAGUKAN LAGI MEMANDANGKAN BAHASA MALAYSIA TELAH DAPAT DIGUNAKAN DI PERINGKAT PENGAJIAN PERUBATAN DI UNIVERSITI, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN SISWAZAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PERSIS) YANG KETIGA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN PADA MASA INI KERAP DAPAT DILIHAT SESEORANG YANG BERUCAP DI DALAM BAHASA MALAYSIA BERBANDING DENGAN WAKTU BAHULU TERUTAMANYA DI ZAMAN PENJAJAHAN INGGERIS DI MANA BAHASA MELAYU DIANGGAP TIDAK SESUAI. —
BERSAMBUNG 2350/MD

B615

MAHATHIR - BAHASA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU, BAGAIMANAPUN, SEDAR BAHAWA BAHASA MALAYSIA TELAH DICAMPURADUKKAN DENGAN BAHASA-BAHASA LAIN TETAPI JIKA DIKAJI BAHASA-BAHASA ITU JUGA TIDAK TERKECUALI DARIPADA MEMINJAM BAHASA ASING.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA TIDAKLAH AIB MEMINJAM BAHASA ASING UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI BAHASA MALAYSIA KERANA INI AKAN MEMPERKAYAKAN LAGI BAHASA MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MELAHIRKAN RASA DUKACITANYA TERHADAP SEOLONGAN PENUNTUT UNIVERSITI YANG BELUM PUN LULUS DARI PENGAJIAN TETAPI TELAH MENENTUKAN PEKERJAAN MEREKA.

BELIAU KECIWA KERANA ADA DI ANTARA MEREKA INI LEBIH MEMENTINGKAN TANGGA GAJI, CORAK PERKHIDMATAN DAN JUGA SAMADA MEREKA BOLEH LEPAS DARIPADA MEMBAYAR BALIK BIASISWA SETELAH TAMAT PENGAJIAN.

OLEH ITU, BELIAU MENYERU PERSIS SUPAYA MENANAMKAN NILAI-NILAI YANG BAIK DAN MEMBERI PANDUAN KEPADA SISWAZAH-SISWAZAH. — BERNAMA